

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah nilai biasiswa JPA yang telah ditawarkan sejak tahun 2015 sehingga kini. Apakah rancangan Kerajaan untuk menempatkan pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat keputusan 4.0 dalam STPM atau Matrikulasi tetapi gagal untuk mendapatkan tawaran urusan pilihan pertama di universiti tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa peka dan prihatin terhadap pencapaian pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Matrikulasi dan Asasi UiTM/UM yang telah mendapat keputusan cemerlang 4.0.

KPT melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi telah menyelaras proses kemasukan ke Universiti Awam (UA) bagi program pengajian lepasan STPM/Setaraf untuk Ambilan September. Penyelarasan ini merangkumi permohonan, pemilihan, penawaran, hebahan dan juga rayuan.

KPT mengamalkan prinsip meritokrasi dalam proses pemilihan pelajar ke UA di mana semua calon yang layak termasuk pelajar cemerlang dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal, diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Kedudukan merit calon dikira berdasarkan pencapaian markah akademik 90 peratus dan kokurikulum 10 peratus yang diperolehi

calon. Semua calon akan disusun mengikut kedudukan merit dan bagi yang mendapat keputusan cemerlang keutamaan diberikan dalam pemprosesan pemilihan kemasukan. Kejayaan calon memperoleh tempat adalah tertakluk kepada susunan merit, pilihan program pengajian yang telah dimohon, diperaku temuduga dan bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Bagi kemasukan program lepasan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2020/2021, seramai 5,020 (99.96 peratus) orang pelajar cemerlang lepasan STPM, Matrikulasi dan Asasi UiTM/UM telah ditawarkan tempat pengajian di UA (daripada 5,022 jumlah calon keseluruhan yang memohon). Hanya dua calon Asasi UiTM yang tidak mengemukakan permohonan semasa permohonan fasa rayuan 1 dan 2 yang tidak ditawarkan tempat pengajian.

Daripada 5,020 orang pelajar cemerlang yang mendapat tempat di UA, seramai 2,576 (51%) daripadanya telah berjaya ditawarkan mengikut pilihan pertama calon semasa mengemukakan permohonan melalui UPUOnline.

Atas dasar keperihatinan, bagi calon yang tidak mendapat tawaran tempat pengajian pilihan pertama, KPT telah menawarkan program lain yang telah dipilih oleh calon untuk melanjutkan pengajian ke UA. Dari jumlah keseluruhan pelajar cemerlang yang mendapat PNGK 4.0, didapati kurang daripada satu peratus tidak mendapat tawaran pengajian dan ini disebabkan oleh dua calon tersebut tidak mengemukakan permohonan semasa permohonan fasa rayuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]

SOALAN

TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah *Specific Relief Facility* yang telah disalurkan setakat ini dan sama ada jumlah tersebut akan ditambah untuk membantu lebih banyak PKS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 18 November 2020, kira-kira RM9.2 bilion daripada dana RM10 bilion Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility, SRF*) telah disalurkan kepada lebih 19,600 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Manakala baki dana SRF yang masih belum disalurkan adalah disebabkan oleh dokumentasi yang belum lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat lain oleh PKS, perjanjian masih tidak ditandatangani oleh PKS dan menunggu kelulusan daripada penjamin. Selain itu, terdapat juga PKS yang membatalkan permohonan dan dana ini akan disalurkan untuk memenuhi permintaan lain.

2. Selain SRF, Bank Negara Malaysia turut menyediakan kemudahan bantuan pembiayaan secara bersasar untuk membantu PKS. Setakat 18 November 2020, sebanyak RM2.3 bilion masih boleh dimanfaatkan oleh PKS melalui kemudahan lain di bawah Tabung Bank Negara Malaysia untuk PKS dalam sektor pertanian, pelancongan serta kemudahan bagi PKS untuk mengautomasikan proses dan mendigitalkan operasi mereka. Selain itu, PKS juga boleh mengguna pakai kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan dan institusi-institusi kewangan.

Sekian, terima kasih.